


Bergelorakah Politik Malaysia?

DUNIA politik Malaysia sentiasa meriah dengan pasang surut yang penuh dengan aksi dan seni. Sejarah menunjukkan Malaysia penuh dengan saga politik yang mendebarkan sejak kemerdekaan lagi. Ada watak hero, watak menikam dari belakang, operator politik, penyusun strategi dan gaya perang dan aktor tambahan.



Tidak ketinggalan munculnya politik perpecahan, dendam, dan kebencian. Mitos politik berlegar di pentas alam maya. Malahan, pada setiap 10 tahun, kita melihat akan ada peristiwa bersejarah muncul dan memberikan kesan kepada persekitaran politik tanah air. Beberapa peristiwa boleh dijadikan sisipan bingkai politik negara.

Pada tahun 1967-1968, negara berhadapan dengan kemelut kepercayaan terhadap kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj kerana percaturan persepsi seolah-olah beliau tidak serius dalam menangani isu kebangsaan dan nasional, termasuk isu bahasa dan sosioekonomi bumiputera. Isu ini berakhir dengan peristiwa 13 Mei 1969. Pada tahun 1977-1978, setahun selepas Tun Hussein Onn dilantik sebagai Perdana Menteri ketiga, Kelantan telah mengisytiharkan darurat yang

juga melihat Parti Islam Se-Malaysia (PAS) keluar dari Barisan Nasional (BN). Pada tahun 1987-1988 pula, parti UMNO berhadapan dengan permusuhan politik dalaman yang dahsyat sehingga membawa kepada pembentukan Semangat 46 (S46), Operasi Lalang 1987 dan penggunaan Akta ISA, pemecatan Ketua Hakim Negara (1988), serta pengisytiharan UMNO sebagai parti yang tidak sah.

Impak yang ketara kini sebenarnya bermula daripada peristiwa pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1998, iaitu susulan daripada kegawatan ekonomi pada tahun 1997 yang mula menjejaskan hubungan beliau dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang juga membawa kepada kemunculan parti ADIL (kini, Parti Keadilan Rakyat). Pergerakan Reformasi tidak terkecuali. Sepuluh tahun selepas itu,

parti BN kehilangan majoriti dua pertiga buat pertama kalinya dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 yang juga memendekkan pentadbiran Tun Abdullah Ahmad Badawi. Pada tahun yang sama, Anwar menggerakkan usaha untuk menjatuhkan kerajaan yang dikatakan mula hilang sokongan dengan keinginan menubuhkan kerajaan pada 16 September 2008, namun tidak berjaya.

Pada tahun 2018, BN tewas pada peringkat persekutuan. Beberapa buah negeri juga berjaya dirampas oleh pembangkang. Hal ini membawa kepada penubuhan kerajaan baharu. Kepimpinan negara berubah tangan kepada kerajaan Pakatan Harapan (PH), tetapi dalam tempoh 22 bulan, kerajaan sekali lagi bertukar daripada Pakatan Harapan (PH) kepada Perikatan Nasional (PN) pada Mac 2020.

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang juga serpihan UMNO sekali lagi mendominasi kerajaan walaupun kerusinya bukan majoriti. Hal ini hanya rentetan peristiwa yang berlaku susulan penjajaran politik pada Mac 2020 kerana dijangkakan bahawa impak yang lebih besar akan dilihat pada tahun 2027-2028 apabila kelompok yang dominan, iaitu mereka yang lahir pada tahun 1998-2008 lebih mengenali sejarah politik tanah air. Ada kemungkinan juga politik kepartian semakin luntur kerana gelagat politik tidak berkepartian dan berkemungkinan menuju politik personaliti.

Memandangkan kerajaan pada hari ini tidak memiliki majoriti yang meyakinkan, yakni dengan hanya dua kerusi, pastinya akan memudahkan proses untuk membina ketidakpercayaan. Untuk rekod, kerajaan Kelantan (PAS) pernah kekal memerintah dengan majoriti satu kerusi pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2004.

Zaman sesebuah parti memiliki majoriti besar atau dua pertiga di parlimen sudah semakin tidak relevan. Trend ini bersifat global.

Pesaing dan musuh politik dengan mudah dapat melahirkan keresahan dan kebimbangan terhadap suasana yang tidak stabil. Muncul pula kuasa ketiga yang dahulunya tidak pernah relevan tetapi kini menjadi penentu politik siasah.

Dalam sidang akhbar Anwar pada 23 September 2020, iaitu tiga hari sebelum Pilihan Raya Negeri Sabah (PRNS). Beliau berkata; "pada saat ini kerajaan pimpinan Muhyiddin Yassin telah jatuh". Anwar juga berkata bahawa majoriti yang diperoleh adalah konklusif dan bukannya majoriti tipis. Jumlahnya kukuh dan meyakinkan, jauh daripada majoriti kecil. Namun begitu, ada yang cuba mengaitkannya dengan sandiwara 16 September 2008, tetapi sebagai seorang yang telah berkecimpung dalam politik sejak tahun 1982, kita wajar meneliti kenyataan beliau kerana hal itu sudah pasti melibatkan reputasi dan kredibilitinya sebagai calon bakal Perdana Menteri PH. Sidang akhbar tersebut tidak dihadiri oleh pemimpin PH termasuk dari Parti Tindakan Demokratik (DAP) mahupun Amanah yang hanya mengeluarkan kenyataan rasmi selepas pengumuman tersebut.

Terdapat sebanyak 222 kerusi keseluruhan di Dewan Rakyat. Daripada jumlah tersebut BN (42) PPBM (32), PAS (18), Gabungan Parti Sarawak (18), Parti Bersatu Sabah (1), dan Parti Solidariti Tanah Airku (1) dan Persatuan Bersatu Rakyat Sabah (1). Sementara itu, barisan pembangkang pula mempunyai 109 kerusi – DAP (42), PKR (38), Amanah (11), Warisan (9), Pejuang (5), Pertubuhan Bersatu Pasok-Momogun Kadazan (1), Parti Sarawak Bersatu (2) dan Bebas (1).

Ada juga yang bermain dengan sentimen Istana Negara, walaupun mengetahui tentang perlembagaan dan kuasa mutlak Yang Di-Pertuan Agong (YDPA) jelas tidak boleh dikompromi. Perkara 40(2)

Perlembagaan menjelaskan peranan YDPA yang boleh bertindak menurut budi bicara untuk melantik seorang Perdana Menteri atau tidak memperkenalkan permintaan bagi pembubaran Parlimen; dan Perkara 43(2)(b) menyebut YDPA hendaklah melantik seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri untuk mempengerusikan Jemaah Menteri.

Dalam hal ini, Perdana Menteri boleh menghadap YDPA jika sekiranya hilang kepercayaan ahli Dewan Rakyat dan menasihati YDPA untuk pelantikan baharu atau pembubaran Parlimen tetapi kesemuanya bergantung pada kearifan dan kebijaksanaan YDPA untuk membuat keputusan

Kenyataan Anwar juga telah meneroka beberapa persoalan yang akan menjadi tumpuan untuk PRU ke-15 kelak, termasuklah adakah UMNO bersedia untuk bekerjasama dengan DAP?; hubungan PKR dan rakan sekutu lain dalam PH; ketiadaan Pejuang untuk menyokong Anwar dan PH; kerjasama UMNO-PPBM; kerjasama PAS-UMNO; kerjasama Muafakat Nasional; kerjasama PN; kerjasama PN dan parti Borneo; kerjasama BN dan parti Borneo; kedudukan parti kecil lain sebagai kuasa ketiga; dan kedudukan parti Muda untuk generasi muda.

Pengumuman Anwar membawa kepada realiti perpecahan dalam blok sendiri dan blog politik yang lain – seolah-olah setiap ahli Parlimen yang menyokong beliau adalah dengan sokongan bersyarat. Barangkali juga lebih bersifat untuk mendesak pembubaran parlimen. Namun begitu, gelombang ketiga pandemik COVID-19 yang berpunca daripada Pilihan Raya Negeri Sabah mencetuskan kemarahan rakyat

sekiranya PRU ke-15 diadakan pada waktu yang terdekat.

Dalam kedudukan semasa, adakah YDPA perlu mengumumkan darurat politik agar masing-masing bertanggungjawab dalam "merakyatkan kepimpinan" dan bukan menonjolkan kepentingan kepimpinan untuk diri sendiri? Jika PRU diadakan, ini akan menjadi PRU yang lebih menggerunkan daripada PRU ke-14 kerana soal agihan kerusi, politik dendam dan pertembungan sesama blok sendiri barangkali tidak dapat dielakkan. Persoalannya, di manakah ruang politik berhemah yang boleh menunjukkan kolaboratif politik dan calon daripada gabungan besar tidak bersabung sesama sendiri untuk kerajaan mahupun pembangkang?

Kegagalan mencari titik keseimbangan yang memberikan impak untuk kehilangan blok sokongan sendiri boleh berlaku kepada sesiapa juga. Gelora politik di Malaysia yang sedang mendidih ini hanya dapat dinormalkan jika pemimpin bersetuju untuk melakukan gencatan politik dan memberikan tumpuan terhadap proses pemulihan secara menyeluruh. Perdana Menteri juga telah menyatakan kesediaannya untuk mengundurkan diri jika benar sudah kehilangan majoriti sokongan yang masih tidak terbukti. Sebagai seorang yang telah melalui sepak terajang dalam politik, termasuk dipecat dari UMNO dan kemudian membuat keputusan untuk membawa keluar PPBM dari PH, beliau tahu akan risikonya.

Sebagai Perdana Menteri, tindakannya perlulah dihormati. Semua pemimpin perlu berganding bahu dan saling memahami bahawa nyawa rakyat menjadi keutamaan melebihi kepentingan yang lain. Oleh itu, redakan gelora ini dengan nilai kematangan yang mendahului emosi serta dapat diteladani.